

Amalan Gaya Hidup Sihat

Bahagian A

A

Morfologi/ Frasa/ Sintaksis/ Peribahasa



Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Kedudukan pasukan bola sepak yang ketinggalan satu gol itu semakin _____ kerana masa permainan hampir tamat.
 A sempit
 B derita
 C perit
 D genting

2.



"Kamu harus menghadiri latihan larian ini empat kali seminggu," kata _____ itu kepada Amirul.

- A jurujual
- B jurulatih
- C jurumudi
- D juruacara

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betulnya.

3. I Tajam sungguh mata *gaji* yang digunakan oleh pemotong kayu itu.
 II Encik Mahat lebih suka *gaji* orang tempatan berbanding dengan warga asing.
 III Janganlah kita malas bekerja jika tidak mahu dikatakan menerima *gaji* buta.
 IV Meskipun hanya orang *gaji* di banglo mewah itu, namun Mak Tijah dianggap seperti keluarga sendiri oleh majikannya.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja
4. I Tok Mat Adi berasa selesa apabila berbaring di atas tilam yang *enak* ini.
 II Mi bandung yang dijual di warung itu sungguh *enak* rasanya.
 III Adik menangis kerana badannya berasa tidak *enak* akibat selesema.
 IV Ayah memerhatikan tingkah lakuku dengan pandangan yang kurang *enak*.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja

Soalan 5 – 6

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat berikut **mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.**

Tandakan sama ada **A, B, atau C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika tiada kesalahan.

5. Pegawai pertandingan itu menghulurkan sebotol air mineral pada setiap pelari yang tiba di garisan penamat.
A kepada tiap pelari
B pada tiap-tiap pelari
C kepada setiap pelari
D pada setiap pelari
6. Stesen minyak yang baru dibina itu terletak di antara balai polis dan sekolah.
A antara balai polis dengan sekolah
B di antara balai polis dengan sekolah
C antara balai polis dan sekolah
D di antara balai polis dan sekolah

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang **betul**.

7. I Bakat-bakat baru dalam semua bidang sukan haruslah ditengahkan supaya kita mempunyai barisan pelapis pada masa depan.
II Hujah-hujah Karmila yang mantap menarik perhatian para juri pertandingan perbahasan itu.
III Menjelang senja, hampir kesemua pesawah di Kampung Belut pulang ke rumah masing-masing.
IV Pemakanan yang sihat membolehkan kita menjalankan aktiviti harian dengan tubuh yang cergas.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

8. I Haninah berasa tersinggung oleh kata-kata Jalilah terhadapnya.
II Wardah mencuci tangannya sehingga bersih sebelum dan selepas makan.
III Pak Leman sedang menganyam jala di beranda rumahnya.
IV Harga minyak mentah semakin bertambah selaras dengan perkembangan ekonomi dunia.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang **sama** atau maksud yang **paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal**.

9. **Sesetengah peniaga terpaksa menutup kedai mereka kerana terkesan akibat pandemik COVID-19.**
A Kedai peniaga-peniaga COVID-19 terpaksa ditutup kerana terkesan akibat pandemik.
B Ahli perniagaan yang dijangkiti wabak COVID-19 terpaksa menghentikan aktiviti mereka.
C Pandemik COVID-19 menyebabkan sesetengah peniaga yang terkesan terpaksa menutup kedai mereka.
D COVID-19 merupakan akibat daripada pandemik yang menyebabkan sebahagian peniaga menutup kedai mereka.

Soalan 10

Pilih peribahasa yang **paling sesuai**.

10. Kek coklat di atas meja itu tidak terhabis kerana rasanya _____.
A pahit seperti hempedu
B hitam seperti arang
C masam macam cuka
D manis macam gula



Pemahaman Petikan

Baca bahan di bawah dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Soalan 11 – 15 berdasarkan bahan di bawah.

"Sakit aku hanya Lim Meng sahaja yang boleh mengubatnya." Entahkan betul entahkan tidak Sim Pau tidak tahu tapi mereka masih mengharapkan agar Lim Meng balik Tahun Baharu ini.

"Lim Meng, baliklah nak, papa kau dah tak marahkan kau lagi."

Pintu rumah diketuk. Sim Pau berada di dapur yang ketika itu sedang menyiapkan sup untuk Lim Pooi. Sim Pau lekas-lekas ke hadapan untuk melihat siapa yang datang. Dia membuka pintu.

"Lim Meng."

"Mama."

Mereka *berpelukan*. Rindu yang sangat mendalam terubat. Semasa berpelukan, Lim Meng dapat merasakan ada sebatang tubuh yang lemah berdiri di belakang mereka.

"Lim Meng," Sayu Lim Pooi memanggil nama anaknya. Lim Meng yang melihat sahaja Lim Pooi terus mahu beredar. Dia tahu bahawa papanya tidak suka akannya. Papanya boleh berbuat apa-apa sahaja. Kali ini tentu diparang kepalanya jika dia menjejakkan kakinya di rumah itu.

"Tunggu, Lim Meng." Lim Meng berhenti melangkah. Dia memalingkan mukanya ke belakang.

"Maafkan papa."

Lim Meng tidak tega lagi menyimpan dendam. Dendam itu suatu penyeksaan. Namun, apabila memikirkan tindakan yang pernah dibuat oleh papanya dia merasakan bahawa papanya ialah orang yang paling kejam di dunia ini.

"Betul, Lim Meng. Maafkan papa kamu." Sim Pau cuba masuk campur.

Dipetik daripada cerpen 'Kuih Bakul Limau Mandarin', Antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia

- | | |
|--|--|
| <p>11. Perkataan <i>berpelukan</i> dalam petikan membawa maksud</p> <ul style="list-style-type: none"> A bertatapan. B bertanggung. C berdakapan. D berpandangan. <p>12. Apakah yang sedang dilakukan oleh Sim Pau ketika pintu rumahnya diketuk?</p> <ul style="list-style-type: none"> A Berbual-bual dengan Lim Meng B Menjaga Lim Pooi yang sakit C Memasak sup untuk Lim Pooi D Mengharapkan Lim Meng pulang ke rumah | <p>13. Persoalan yang berikut terdapat dalam petikan cerpen kecuali</p> <ul style="list-style-type: none"> A kemaafan seorang anak terhadap ayahnya yang bersalah. B keinsafan seorang ayah atas kesalahan terhadap anaknya. C keburukan mempercayai ramalan atau tilikan. D hari perayaan dapat merapatkan hubungan kekeluargaan. <p>14. Mengapakah Lim Meng ingin beredar apabila melihat Lim Pooi?</p> <ul style="list-style-type: none"> A Lim Pooi hendak memarang kepalanya B Lim Pooi tidak mahu memaling muka kepadanya |
|--|--|



- C Lim Meng sedih apabila melihat keadaan Lim Pooi
- D Lim Meng sedar bahwa Lim Pooi tidak menyukai dirinya

15. Berdasarkan petikan di atas, apakah yang berlaku setelah Lim Pooi memanggil nama Lim Meng?

- A Sim Pau memujuk Lim Meng supaya memaafkan ayahnya.
- B Lim Meng melihat ayahnya yang berdiri lemah di belakangnya.
- C Lim Meng dan Lim Pooi berpelukan untuk melepaskan rindu.
- D Lim Meng meninggalkan rumah itu dengan segeranya.